



16 MAR, 2026

Semarak Syawal 1447 @Pasar Tani sasar
jualan RM40 juta

Sinar Harian, Malaysia

Semarak Syawal 1447@Pasar Tani sasar jualan RM40 juta

SHAH ALAM - Program Semarak Syawal 1447@Pasar Tani dilaksanakan di seluruh negara menyasarkan nilai jualan RM40 juta menerusi penganjuran 722 siri jualan dalam tempoh enam hari.

Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata, bagi negeri Selangor pula, pihaknya mensasarkan 48 lokasi dengan nilai jualan dianggarkan RM2.7 juta.

Beliau berkata demikian selepas Program Pelancaran Semarak Syawal 1447@Pasar Tani Peringkat Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya di Pasar Tani Stadium Shah Alam pada Ahad.

Program disempurnakan oleh Ahli Parlimen Shah Alam, Azli Yusof.

Turut hadir Pengarah FAMA Negeri Selangor dan Wilayah

Persekutuan, Isa Hamzah serta Ketua Pegawai Eksekutif Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd, Rusman Md Lizah.

Abdul Rashid berkata, program bermula dari semalam hingga 19 Mac melibatkan semua lokasi Pasar Tani di Selangor serta beberapa kawasan utama di Wilayah Persekutuan.

Katanya, antara lokasi utama termasuk di Putrajaya, Bangi, Malawati, MAEPS, Stadium Shah Alam dan Kelana Jaya.

"Program ini merupakan program tahunan FAMA dianjurkan bagi membantu mengurangkan kos sara hidup di samping memudahkan orang ramai membuat persiapan menyambut Syawal pada harga berpatutan.

"Kita campurkan pelbagai jenis produk, namun fokus utama adalah per-

siapan Syawal termasuk jualan kuih-muih serta penyertaan usahawan kilang yang mengeluarkan produk kuih raya," katanya.

Beliau berkata, peniaga turut bersestuju mengadakan jualan happy hour dengan diskaun menarik yang membolehkan orang ramai mendapatkan penjimatan antara RM20 hingga RM25 bagi pembelian lima balang kuih raya.

Dalam pada itu, Abdul Rashid berkata, pihaknya turut menganjurkan Jualan Mantai selama 24 jam bermula jam 8 pagi Selasa hingga 8 pagi Rabu di Stadium Shah Alam.

Katanya, menerusi program itu, sebanyak 10 tan daging lembu segar tempatan akan dijual pada harga RM25 sekilogram selepas diskaun kupon RM5 daripada harga asal RM30 sekilogram.



Dari kanan: Abdul Rashid, Isa dan Azli melayan pengunjung yang mendapatkan keperluan harian pada harga RM5 menerusi program Jualan Agro Madani.



16 MAR, 2026

Semarak Syawal 1447 @Pasar Tani sasar jualan RM40 juta

Sinar Harian, Malaysia

SUMMARIES

SHAH ALAM . Program Semarak Syawal 1447@Pasar Tani dilaksanakan di seluruh negara menyasarkan nilai jualan RM40 juta menerusi penganjuran 722 siri jualan dalam tempoh enam hari. Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata, bagi negeri Selangor pula, pihaknya mensasarkan 48 lokasi dengan nilai jualan dianggarkan RM2.7 juta. Beliau berkata demikian selepas Program Pelancaran Semarak Syawal 1447@Pasar Tani Peringkat Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya di Pasar Tani Stadium Shah Alam pada Ahad.